

UPACARA RASMI PENUBUHAN P.T. MAYBANK NUSA INTERNATIONAL

SHANGRI-LA HOTEL, JAKARTA, 14 NOVEMBER 1994

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Maybank dan Bank Nusa International (NusaBank) kerana menjemput saya untuk merasmikan penubuhan P.T. MayBank Nusa International pada hari ini.

2. Hari ini merupakan satu detik yang penting dalam sejarah industri perbankan di rantau ini kerana inilah pertama kalinya sebuah bank usahasama yang menggabungkan dua institusi kewangan Malaysia dan Indonesia telah ditubuhkan. Sesungguhnya usahasama di antara Maybank dan NusaBank ini telah membuka satu lembaran baru kerjasama dalam bidang kewangan di antara kedua-dua negara jiran.

3. Indonesia adalah sebuah negara di rantau ini yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat. Ini sudah tentu akan membuka peluang perniagaan yang luas kepada pelabur-pelabur dari Malaysia. Setakat ini, beberapa syarikat Malaysia seperti Tradewinds, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, Malaysian Mining Corporation telah pun mengambil langkah untuk melabur dalam berbagai-bagai sektor di Indonesia.

4. Dengan meningkatnya peluang pelaburan dan perdagangan, maka sudah tentu ianya akan disusuli pula dengan permintaan terhadap khidmat-khidmat kewangan yang baik dan canggih.

5. Dalam konteks ini, penubuhan P.T Maybank Nusa International ini adalah wajar dan tepat sekali pada waktunya. Adalah diharapkan Bank usahasama ini akan dapat memainkan peranan dalam meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dengan Indonesia.

6. Langkah Maybank mengembangkan perkhidmatannya ke Indonesia adalah satu langkah yang sejajar dengan dasar Kerajaan Malaysia yang inginkan supaya sektor korporat Malaysia mengalih pandangan ke negara-negara membangun terutama di rantau ini. Melalui cara ini, kita akan menikmati bersama pembangunan di negara berkenaan dan mendapat manfaat daripada kesejahteraan mereka.

7. Maybank adalah sebuah bank komersil yang terbesar di Malaysia, bukan sahaja daripada segi aset, dana pemegang saham atau 'shareholders' fund' dan rangkaian cawangan tetapi juga daripada segi keuntungan. Bank ini adalah bank yang pertama di Malaysia yang telah mencapai tahap keuntungan yang melebihi RM 1 ribu juta.

8. Saya difahamkan Maybank mempunyai rangkaian cawangan yang luas di Malaysia iaitu sebanyak 226 buah cawangan. Di luar

negeri, Bank ini mempunyai 22 cawangan di Singapura, 2 cawangan di Brunei dan 1 cawangan masing-masing di New York, Hong Kong, London dan Phnom Penh. Selain daripada ini, ianya telah mempunyai pejabat perwakilan di Uzbekistan dan negeri China. Pada akhir bulan Oktober lepas, Maybank telah menubuhkan sebuah bank subsidiari di Papua New Guinea.

9. Rakan usahasanya, iaitu NusaBank adalah sebuah Bank yang dimiliki secara majoriti oleh Bakrie Group, satu konglomerat pribumi yang ulung di Indonesia. Walaupun mula beroperasi pada penghujung tahun 1989, Bank ini telah berjaya mengumpul aset sebanyak Rp 408 ribu juta (US\$194 juta) dan dana pemegang saham sebanyak Rp 69 billion (US\$32.9 juta) setakat 31 Disember 1993. Ini adalah satu prestasi yang amat memberangsangkan.

10. Dengan sokongan dua pemegang saham yang kuat ini, saya yakin Maybank Nusa International akan mampu berkembang maju dan berpotensi menjadi antara bank-bank yang utama di Indonesia.

11. Saya berharap MayBank Nusa International dapat memainkan peranannya untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Indonesia. Daripada segi aktiviti perbankan, Bank ini hendaklah juga memberi tumpuan kepada sektor korporat tempatan di samping membantu pelabur-pelabur Malaysia. Ianya patut sama melibatkan diri serta menyumbang ke arah pembangunan ekonomi Indonesia.

12. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan penubuhan P.T. Maybank Nusa International pada hari ini.